



30 NOV, 2022

## Kolokium AKEPT 2022 rai kepelbagaian amalan baik

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2



**KENANGAN:** Para peserta kolokium merakamkan gambar kenangan pada majlis itu.

## Kolokium AKEPT 2022 rai kepelbagaian amalan baik

**KOTA KINABALU:** Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Kolokium AKEPT 2022 'Talent Development and Management' bagi meraikan kepelbagaian amalan baik dalam kalangan pengurusan bakat universiti awam (UA) seluruh negara.

Program yang bertemakan Ad-Meloria yang bermaksud 'Towards Better Things' itu menghimpunkan seramai 87 kakitangan daripada 18 UA seluruh negara.

Ketua Bahagian Kepimpinan dan Pembangunan Bakat (BKEPT) UMS Kamisah Husin berkata, antara matlamat penganjuran program berkenaan untuk menyediakan platform kepada UA sebagai pendedahan dalam menangani cabaran terkini.

Di samping itu katanya, ia bertujuan meneroka perspektif baharu mengenai pe-

ngurusan bakat dan memberi peluang pengiktirafan untuk kecemerlangan pengurusan bakat UA ke peringkat seterusnya.

"Antara pengisian program dua hari ini adalah ucapan daripada Prof. Emerita Datuk Dr. Asma Ismail, Akademi Sains Malaysia Sabah dengan tajuk Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi Meneroka Potensi Masa Hadapan.

"Selain itu, turut berlangsung sesi perkongsian oleh Dr. Bugs Tan dari Vitrox Corp Bhd. dengan tajuk Instrumen Penilaian: Membina Nilai dan Kecekapan; sesi perkongsian oleh Adilah Junid daripada Legal and Government Affairs, Microsoft Malaysia dengan tajuk Pengurusan Bakat: Penggunaan Data Analitik; dan sesi perkongsian oleh Simon Benjamin daripada Malaysian Institute of Human Resource Management dengan tajuk Pengiktirafan

Industri: Anugerah Pengurusan Sumber Manusia," katanya.

Beliau berkata, ucapan kedua disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Kelestarian Kepimpinan AKEPT Azrul Izham Hamzah dengan tajuk Pelan Penggantian/Pengurusan Bakat terbaik Dalam Perkhidmatan Awam.

"Turut berlangsung forum bertajuk Amalan Pengurusan Baharu Abad Ke-21: Melihat Kecekapan Generasi Z.

"Forum yang dikendalikan Timbalan Pengarah AKEPT Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Abdulah sebagai moderator melibatkan Timbalan Presiden Talent Corp Nazrul Aziz; Pengasas Bersama Dragonfire Corp. Solution Sdn. Bhd. Hanie Razaif-Bohlender; dan Pengurus Besar Kanan Sunway Group Clayton Tan Ju Chia sebagai pembicara," katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk

Dr. Kasim Mansor yang turut hadir pada program itu berkata, UMS sentiasa bekerjasama rapat dengan AKEPT dalam memperkasa sumber manusia di institusi pengajian tinggi dalam menerajui pelbagai peringkat kepimpinan.

"Hal ini kelihatan dalam pelbagai kerjasama yang melibatkan kedua-dua belah pihak menerusi BKEPT, UMS dan kumpulan pensyarah dan kakitangan pentadbiran sebelum ini.

"Justeru, diharapkan penganjuran kolokium ini dapat mencetus idea baharu dalam kalangan peserta bagi menambah baik dan mentransformasikan pelaksanaan pengurusan bakat ke arah satu dimensi yang baharu bersesuaian dengan acuan universiti masing-masing.

"Diharap agar perkongsian yang diberikan sepanjang program berlangsung dapat dimanfaatkan untuk kebaikan semua universiti awam negara," jelasnya.



30 NOV, 2022

## Kolokium AKEPT 2022 rai kepelbagaian amalan baik

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**KENANGAN:** Para peserta kolokium merakamkan gambar kenangan pada majlisitu.

**K O T A KINABALU:** Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Kolokium AKEPT 2022 'Talent Development and Management' bagi meraikan kepelbagaian amalan baik dalam kalangan pengurusan bakat universiti awam (UA) seluruh negara. Program yang bertemakan Ad-Meloriayang bermaksud 'Towards Better Things' itu menghimpunkan seramai 87 kakitangan daripada 18 UA seluruh negara.